

--

--	--	--	--	--

--	--	--	--

0546/23

May/June 2015

1 hour 30 minutes

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.
Write in dark blue or black pen.
Do not use staples, paper clips, glue or correction fluid.
DO NOT WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions in **Section 1**, **Section 2** and **Section 3**.

The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.





This document consists of **15** printed pages and **1** blank page.

Bahagian 1

Latihan 1 Soalan 1–5

Pilih jawapan yang betul untuk soalan-soalan di bawah ini:

1 Salah seekor binatang ini hidup di dalam air:

A		B		C		D	
---	---	---	---	---	--	---	---

[1]

2 Sarah menyimpan baju barunya di dalam

A	almari
B	sangkar
C	katil
D	peti sejuk

[1]

3 Anda mahu pergi ke pasar. Anda perlu

A	baju renang
B	bakul
C	cermin
D	raket

[1]





4 Anda panas. Anda perlu

A

B

C

D



[1]

5 Anda terima mesej ini:

"Anda telah memenangi pertandingan melukis!"

Anda berasa:

A gembira

B marah

C sedih

D kecewa






[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 2 Soalan 6–10

Maria sekeluarga sedang berbincang mengenai apa yang mereka akan buat untuk menyambut hari jadi nenek mereka. Tulis huruf setiap orang dalam kotak yang betul mengenai rancangan mereka.

A	Maria mahu membuat kek coklat.
B	Lisa mahu membeli sebuah beg tangan sebagai hadiah.
C	Joan mahu menyanyi di majlis hari jadi itu.
D	Elaine akan menghantar kad jemputan kepada tetamu.
E	Susan akan membeli baju baru.
F	Ann akan menyediakan hiasan untuk majlis itu.



[Jumlah: 5 markah]

Latihan 3 Soalan 11–15

Mandy menulis surat kepada guru besarnya untuk meminta kebenaran menggunakan dewan besar untuk persembahan akhir tahun. Baca surat ini dan jawab soalan-soalan berikutnya dengan menandakan Betul atau Salah.

Persatuan Drama bercadang untuk mengadakan persembahan akhir tahun. Anggota-anggota akan mempersembahkan sebuah drama bertajuk “Pulanglah, Sayang.” Juga, ada dua tarian dan beberapa nyanyian oleh anggota-anggota. Kami bercadang untuk menjemput guru-guru serta ibu bapa untuk menyaksikan persembahan kami. Tiket untuk konsert ini akan dijual dengan harga RM10 untuk orang dewasa. Kami berharap untuk menjual sebanyak dua ratus tiket dan kutipan wang daripada jualan tiket ini akan dimasukkan ke dalam tabung Persatuan Drama.

Seorang pelawak terkenal, Joey Boy, telah bersetuju untuk membuat persembahan khas tanpa bayaran.

	BETUL	SALAH
11 Setiap awal tahun Persatuan Drama mengadakan persembahan.	☐	☐
12 Persembahan akan disertai oleh guru-guru sekolah itu.	☐	☐
13 Selain daripada drama, mereka juga akan menyanyi dan menari.	☐	☐
14 Hasil jualan tiket akan disimpan oleh persatuan itu.	☐	☐
15 Persatuan mesti membayar pelawak untuk buat persembahan.	☐	☐

[Jumlah: 5 markah]


Latihan 4 Soalan 16

16 Semasa cuti anda, anda telah membuat kerja sambilan. Tulis poskad kepada kawan anda untuk menceritakan kepadanya tentang pengalaman ini, berpandukan gambar-gambar di bawah ini:

(a) di manakah anda bekerja



(b) apakah yang anda buat



(c) tulis mengenai apa yang anda dapat selepas bekerja di situ.



Tulis tidak lebih daripada **40** perkataan.

--	---

[Jumlah: 5 markah]

TURN OVER FOR SECTION 2

Bahagian 2**Latihan 1 Soalan 17–25**

Baca surat di bawah ini dan jawab soalan-soalan berikutnya:

Johan,

Pada minggu lepas, saya pergi ke pusat membeli-belah untuk membeli beg sekolah untuk adik saya. Ada banyak beg; kecil dan besar. Saya memilih beg yang sederhana untuknya. Semasa saya mahu membayar, saya tidak jumpa dompet saya. Saya mula berasa cemas.

Saya tahu saya membawa dompet saya dan mungkin dompet itu jatuh semasa di dalam bas. Atau dicuri orang.

Saya tidak tahu apa yang harus saya buat sebab adik saya sangat memerlukan beg itu. Bapa saya akan memarahi saya sebab saya tidak bertanggungjawab.

Semasa saya sedang menelefon kawan saya untuk meminta bantuan, saya terdengar pengumuman yang menyebut nama saya. Saya diminta pergi ke pejabat di kedai itu.

Saya rasa lega sebab saya tahu bahawa mungkin ada orang telah menjumpai dompet saya.

Pegawai keselamatan di pejabat itu meminta maklumat mengenai dompet itu sebelum dia menyerahkannya kepada saya. Dia mahu tahu apa lagi kandungan dompet itu. Di dalam dompet itu ada kad pengenalan saya. Saya juga ada wang tunai sebanyak RM350.00. Dompet saya ialah dompet kulit berwarna hitam.

Apabila dia mendengar maklumat saya, dia menyerahkan dompet itu. Seorang wanita telah menjumpainya di bahagian pakaian.

Saya bersyukur saya dapat dompet saya semula dan boleh membeli beg itu untuk adik saya!

Tania

17 Mengapakah Tania perlu membeli beg?

.....[1]

18 Beg apa yang dia pilih?

.....[1]

19 Apakah perasaan Tania apabila dia tidak jumpa dompetnya?

.....[1]

20 Pada pendapatnya, bagaimanakah dompet itu hilang? Beri **dua** jawapan.

(i)[1]

(ii).....[1]

21 Mengapakah bapa Tania akan marah?

.....[1]

22 Apakah yang berlaku semasa Tania menelefon kawannya?

.....[1]

23 Selain daripada wang, apakah lagi yang ada di dalam dompetnya?

.....[1]

24 Di manakah dompet itu dijumpai?

.....[1]

25 Apakah perasaan Tania selepas dompetnya dikembalikan?

.....[1]

[Jumlah: 10 markah]

TURN OVER FOR SECTION 3

Bahagian 3**Latihan 1 Soalan 27–33**

Berikut ialah laporan seorang penulis muda, Suzana Alias, 15 tahun. Dia telah bertemu dengan seorang penulis terkenal, Zeynita Allen, yang banyak menulis tentang remaja.

Baca dan tandakan sama ada ayat-ayat berikutnya betul atau salah. Bagi setiap ayat yang salah, tulis satu ayat untuk membetulkannya.

Kadang-kadang, apa yang kita tidak rancang akan menghasilkan sesuatu yang sungguh meninggalkan kesan kepada kita sepanjang hidup kita. Pada musim cuti sekolah yang lalu, saya sekeluarga telah membuat rancangan untuk bercuti di Australia. Saya sungguh menanti-nantikan percutian ini kerana saya belum pernah pergi ke Australia. Walaubagaimanapun, kami terpaksa batalkan rancangan ini sebab kami tidak dapat menempah tiket pada masa yang kami inginkan.

Saya sungguh kecewa. Namun demikian, bapa bercadang kami bercuti di Melaka. Walaupun ini merupakan cuti di dalam negeri, kami gembira kerana masih dapat bercuti dengan keluarga. Kami tinggal di sebuah hotel berhampiran dengan Sungai Melaka.

Pada suatu pagi, semasa sarapan, saya ternampak seorang wanita Inggeris. Di atas mejanya ada beberapa buah buku yang tajuknya saya kenali. Saya sudah membaca novel-novel remaja itu. Saya fikir tentu sekali wanita itu penulisnya sebab dia sedang menandatangani semua buku-buku itu.

Oleh kerana saya juga bercita-cita untuk menjadi seorang penulis, saya tidak segan untuk menghampirinya. Dia agak terkejut apabila saya menegurnya, tetapi dengan gembiranya menyuruh saya duduk bersarapan dengannya apabila saya memberitahu saya peminatnya.

Dia menceritakan bagaimana dia mula menulis. Minatnya untuk menulis bermula semasa dia berumur sepuluh tahun. Dia mula menulis buku catatan harian, menceritakan segala yang berlaku kepadanya setiap hari.

Lama kelamaan, dia menggunakan pengalamannya untuk menjadikan cerita. Novelnya yang pertama diterbitkan semasa dia berusia enam belas tahun.

Zeynita menasihati saya supaya terus menulis dan banyak membaca. Dia juga menggalakkan saya supaya membuka minda dan hati saya kepada apa yang berlaku di sekeliling saya.

Saya sungguh bertuah dapat berjumpa dan mengongsi pengalaman Zeynita Allen, penulis kegemaran saya. Nasib baik kami tidak jadi bercuti di Australia!

Zeynita berjanji untuk terus memberi galakan kepada saya dalam bidang penulisan.

Contoh:**BETUL****SALAH**

Suzana sekeluarga berancang untuk bercuti di London.

☐☒

Suzana sekeluarga berancang untuk bercuti di Australia.

27 Sebelum ini Suzana pernah pergi ke Australia.

☐☐

28 Suzana sekeluarga tinggal di sebuah hotel berhampiran Sungai Melaka.

☐☐

29 Penulis yang Suzana nampak ialah penulis buku kanak-kanak.

☐☐

30 Penulis itu mengongsi pengalamannya semasa dia mula menulis.

☐☐

31 Zeynita menggalakkan Suzana supaya menonton television untuk mendapat ilham.

☐☐

32 Suzana tidak menyesal dia tidak bercuti di Australia.

☐☐

33 Zeynita akan terus membantu Suzanna menulis.

☐☐

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 34–40

John, seorang pelajar program Pertukaran Pelajar Antara Benua, telah menulis emel di bawah kepada sahabatnya Ali, di Malaysia. Baca dan jawab soalan-soalan berikutnya:

Ali,

Saya telah selamat tiba di rumah saya di London selepas penerbangan selama dua belas jam. Di dalam pesawat, saya selalu teringat tentang pengalaman saya selama enam bulan di Malaysia. Tidak sangka masa berjalan begitu cepat. Semasa saya sampai saya tidak tahu bercakap bahasa Melayu, sekarang saya sudah boleh bercakap dalam bahasa Melayu. Saya juga sudah kenal budaya dan sejarah negara kamu.

Ibu bapa saya sungguh gembira kerana saya menikmati pengalaman saya di sebuah negara yang sungguh asing bagi mereka. Mereka terkejut saya boleh bercakap bahasa Melayu dengan baik. Mereka berjanji saya boleh pergi bercuti di Malaysia bersama mereka musim cuti Krismas akan datang.

Apabila saya tiba di London, cuaca sungguh sejuk dan salji mula turun. Selepas cuaca panas di Malaysia, saya berasa sungguh sejuk dan rasa mahu pulang segera ke Malaysia. Saya rindukan masakan Melayu dan Cina. Saya teringat tentang persembahan budaya di sekolah kita, dan saya tunjukkan rakaman video itu kepada ibu bapa dan kawan-kawan saya. Mereka sungguh kagum.

Terima kasih kerana memberitahu saya tentang restoran-restoran Malaysia yang ada di kota London. Sudah tentu saya akan pergi makan di sana dengan keluarga saya.

Saya tahu enam bulan di sana adalah masa yang sungguh singkat, terutama sekali apabila kita ingin mempelajari segala-galanya. Banyak yang saya masih belum faham, tetapi saya akan terus belajar dan ikut perkembangan di Malaysia melalui internet. Sekarang ini kita boleh belajar melalui banyak cara. Saya juga harap ada kelas bahasa Melayu di London, di mana saya boleh terus belajar.

Apakah rancangan kamu untuk musim cuti sekolah tahun depan? Ibu bapa saya suruh saya menjemput kamu untuk bercuti bersama kami di London. Kami juga boleh membawa kamu ke tempat-tempat bersejarah dan mendaki gunung. Dengan itu, kamu dapat melihat banyak tempat yang menarik, yang lain daripada yang lain.

Baiklah, saya menunggu jawapan kamu. Saya harap kamu akan mendapat kebenaran ibu bapa kamu untuk datang bercuti dengan kami.

John

Jawab soalan-soalan ini:

34 Berapa lamakah penerbangan John dari Malaysia ke London?

.....[1]

35 Apakah yang John belajar selepas enam bulan berada di Malaysia? Beri **dua** jawapan.

(i)[1]

(ii).....[1]

36 Apakah janji ibu bapa John kepada dia?

.....[1]

37 Semasa tiba di London, apakah perasaan John?

.....[1]

38 Apakah yang John rindukan?

.....[1]

39 Beri **dua** cara John akan terus ikut perkembangan di Malaysia dan belajar bahasa Melayu?

(i)[1]

(ii).....[1]

40 Apakah rancangan John kalau Ali dapat bercuti bersamanya? Beri **dua** jawapan.

(i)[1]

(ii).....[1]

[Jumlah: 10 markah]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge International Examinations Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cie.org.uk after the live examination series.

Cambridge International Examinations is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is itself a department of the University of Cambridge.